



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 11 TAHUN 2017**

**PINDAAN PERATURAN MENGENAI KERAJIAN
RASMI**

Pejabat Bendahari
29 November 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.7 (11)

29 November 2017

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 11/2017

PINDAAN PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini disediakan bagi memaklumkan mengenai pindaan Peraturan Mengenai Keraian Rasmi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Pekeliling Kewangan Bil. 6/2016 (PK 6/2016) berkaitan Peraturan Mengenai Keraian Rasmi dan Kadar Penyediaan Makanan dan Minuman Universiti yang mana telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2016 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2016.
- 2.2 Setelah lebih setahun pemakaian peraturan ini, terdapat isu berbangkit berkaitan para 3.3 PK 6/2016 mengenai syarat-syarat penyediaan makanan dan minuman iaitu tiada sebarang peraturan berkaitan penyediaan makanan dan minuman pagi/malam bagi **mesyuarat peringkat Universiti** dinyatakan dalam para 3.3 pekeling berkenaan (contoh mesyuarat peringkat universiti: Mesyuarat Senat dan Mesyuarat Majlis Eksekutif).
- 2.3 Isu ini menyebabkan pembayaran untuk makanan dan minuman pagi/malam bagi mesyuarat peringkat universiti tidak dapat dibuat.

2.4 Pindaan peraturan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 5/2017 dan telah disahkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2017.

3.0 PINDAAN PERATURAN

3.1 Pindaan para 3.3 PK 6/2016 berkaitan syarat-syarat penyediaan makanan dan minuman adalah seperti berikut:

Para 3.3.2 PK 6/2016 (Semasa)	Penyediaan makanan dan minuman pagi/malam bagi mesyuarat di peringkat dalaman PTj hanya dibenarkan sekiranya ia dipengerusikan oleh Ketua PTj
Para 3.3.2 PK 6/2016 (Pindaan)	Penyediaan makanan dan minuman pagi/malam bagi mesyuarat di peringkat dalaman PTj dan peringkat universiti hanya dibenarkan sekiranya ia dipengerusikan oleh Ketua PTj atau yang lebih tinggi daripadanya

4.0 PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Kewangan ini, para 3.3.2 PK 6/2016 adalah dibatalkan.

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Surat Pekeliling Kewangan ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh **1 November 2017**.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/2017/Sharing Folder/2017/Pindaan Peraturan